



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
No. 21

10hb Oktober 2013

*TAMBAHAN No. 31
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 139.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

**PERATURAN-PERATURAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER
(SELANGOR) 2013**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA PENGARAH

3. Kuasa Pengarah terhadap aktiviti pengubahan sumber

BAHAGIAN III

KEBENARAN BERTULIS

Peraturan

4. Permohonan dan pengeluaran kebenaran bertulis
5. Tempoh kebenaran bertulis
6. Mendapatkan semula fi dan caj

BAHAGIAN IV

KAWALAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER

7. Kawalan aktiviti perubahan sumber
8. Bahan binaan, jentera dan kenderaan
9. Langkah kawalan dan mitigasi

BAHAGIAN V

PENYERAHAN PELAN

10. Penyerahan dan perakuan pelan
11. Kewajipan jurutera
12. Penyerahan lukisan terukur
13. Laporan, pelan dan butiran hendaklah dikemukakan
14. Pelan boleh diserahkan secara berasingan
15. Syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa
16. Pelan, spesifikasi, butiran lanjut dan sebagainya jika dikehendaki
17. Sumber air hendaklah diselenggara
18. Tugas jurutera untuk memaklumkan

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

19. Pengeledahan
20. Penyitaan
21. Pelucuthakkan

Peraturan

22. Pelucuthakkan jika ada pendakwaan
23. Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan
24. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
25. Kuasa mengalih dan melupus

BAHAGIAN VII

PENDAKWAAN

26. Pendakwaan
27. Penalti kerana kegagalan aktiviti pengubahan sumber
28. Penalti am
29. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VIII

AM

30. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER (SELANGOR) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 43(1) dan 127 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan-Peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*];

“gangguan” merujuk kepada—

- (a) pengurangan pada kadar aliran sumber air;
- (b) pengurangan pada kuantiti air sesuatu sumber air;
- (c) pencemaran sumber air atau alam sekitarnya;
- (d) kerosakan pada struktur fizikal sesuatu sumber air atau alam sekitarnya;
- (e) menjejaskan atau mengubah sempadan antara negeri; atau
- (f) apa-apa keadaan lain yang difikirkan oleh Pengarah yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada sumber air.

“jeti” termasuklah apa-apa struktur jeti, tambatan, tempat menggelungsur, tempat mendarat, pelantar, atau apa-apa struktur lain yang mengunjur ke terusan atau sungai, beting pasir, tasik atau tanah perairan atau struktur bersamaan sama ada yang melekat atau terapung, dibina atau didirikan, sama ada sebahagian atau keseluruhannya di dalam atau di atas mana-mana kawasan badan air yang digunakan untuk memuat atau memunggah barangan, penumpang naik atau turun atau untuk menambat vesel atau apa-apa aktiviti lain;

“jurutera” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai jurutera profesional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

“jurutera Lembaga” ertinya seseorang jurutera seperti yang disenaraikan di bawah yang diperlukan untuk menjalankan fungsi seorang jurutera sebagaimana yang ditentukan di bawah Peraturan-Peraturan ini—

- (a) jurutera yang diambil kerja sebagai kakitangan Lembaga;
- (b) jurutera daripada sebarang pihak berkuasa awam yang dilantik oleh Lembaga; dan
- (c) jurutera yang diguna khidmat dengan fi oleh Lembaga;

“kawasan penampaan” ertinya sesuatu bahagian tanah bersebelahan dengan sesuatu sungai atau badan air yang direka atau ditentukan untuk berada di dalam keadaan tidak diganggu, semulajadi atau keadaan lain yang ditetapkan dengan jarak atau kelebarannya seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;

“kebenaran bertulis” dalam konteks Peraturan-peraturan ini ertinya kebenaran secara bertulis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 43(1) Enakmen;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah;

“pemegang kebenaran bertulis” ertinya mana-mana orang yang kepadanya kebenaran bertulis telah dikeluarkan di bawah Enakmen.

BAHAGIAN II

KUASA PENGARAH

Kuasa Pengarah terhadap aktiviti perubahan sumber

3. Pengarah boleh—

- (a) mengarahkan mana-mana orang yang mengendalikan aktiviti perubahan sumber untuk mengumpul atau membuang sisa kerja yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti perubahan sumber;
- (b) mengarahkan mana-mana orang yang mengendalikan aktiviti perubahan sumber untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan wajar oleh Pengarah untuk memelihara dan memulihara kualiti, kuantiti dan keadaan fizikal mana-mana sumber air dan alam sekitarnya; dan
- (c) menetapkan keperluan teknikal, prosedur dan borang-borang bagi pelaksanaan aktiviti perubahan sumber.

BAHAGIAN III
KEBENARAN BERTULIS

Permohonan kebenaran bertulis

4. (1) Suatu permohonan bagi kebenaran bertulis di bawah seksyen 43 Enakmen hendaklah dibuat secara bertulis melalui borang atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Pengarah dan hendaklah dikemukakan bersama dengan—

- (a) caj sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; dan
- (b) langkah-langkah mitigasi bagi mengelakkan berlakunya apa-apa gangguan terhadap sumber air dan sebarang kos yang terlibat adalah di bawah tanggungan pemegang kebenaran bertulis itu sendiri.

(2) Pengarah boleh menentukan terma dan syarat kebenaran bertulis untuk dipatuhi oleh pemegang kebenaran bertulis sebagai tambahan kepada terma dan syarat sedia ada.

Tempoh kebenaran bertulis

5. (1) Suatu kebenaran bertulis yang dikeluarkan atau diperbaharui adalah sah selama tempoh setahun melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam kebenaran bertulis itu.

(2) Permohonan untuk membaharui kebenaran bertulis hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput kebenaran bertulis semasa.

Mendapatkan semula caj

6. Caj yang dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh didapatkan semula sebagai suatu hutang yang terhutang kepada Lembaga oleh orang yang ke atasnya caj dikenakan.

BAHAGIAN IV
KAWALAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER

Kawalan aktiviti perubahan sumber

7. (1) Seseorang hendaklah mengelak, mengurangkan atau memulihkan sebarang gangguan terhadap sumber air yang diakibatkan atau mungkin diakibatkan oleh aktiviti perubahan sumber.

(2) Jika terdapat sebarang aktiviti perubahan sumber yang menyebabkan gangguan terhadap sumber air, seseorang yang bertanggungjawab terhadap aktiviti berkenaan hendaklah memaklumkan kepada Pengarah dalam masa dua puluh empat jam dan dengan sendirinya mengambil langkah yang difikirkan munasabah bagi mengatasi, mengurang atau memulihkan gangguan tersebut.

(3) Segala kos yang terlibat di bawah subperaturan (2) hendaklah ditanggung oleh orang yang bertanggungjawab tersebut.

Bahan binaan, jentera dan kenderaan

8. Seseorang yang menjalankan aktiviti perubahan sumber adalah dilarang untuk meletakkan dan meninggalkan bahan binaan, jentera dan kenderaan yang digunakan untuk aktiviti tersebut dalam keadaan yang boleh menyebabkan gangguan kepada sesuatu sumber air melainkan dibenarkan sebaliknya.

Langkah kawalan dan mitigasi

9. (1) Seseorang yang menjalankan apa-apa aktiviti perubahan sumber, hendaklah membuat penilaian atau menyebabkan penilaian dibuat atas sumbangan aktiviti itu terhadap aliran puncak atau aliran banjir dan hendaklah memasukkan langkah-langkah untuk mengawal dan mengurangkan kesan buruk terhadap penyaliran termasuklah menyediakan kemudahan atas tapak kerja, pembaikan di luar tapak kerja, dan kos langkah-langkah itu.

(2) Penilaian di bawah subperaturan (1) hendaklah mematuhi garis panduan dan tatacara yang ditetapkan menurut mana-mana undang-undang yang sedia ada atau sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Jika penilaian di bawah subperaturan (1) menunjukkan aktiviti yang dicadangkan itu akan menyumbang kepada aliran puncak atau aliran banjir yang melebihi angka sifar, orang yang menjalankan aktiviti itu hendaklah—

- (a) mengambil semua langkah yang perlu untuk mengawal anggaran sumbangan terhadap penyaliran aliran puncak dan aliran banjir atas-tapak; atau
- (b) membuat sumbangan kepada Lembaga atau pihak berkuasa awam yang berkaitan bagi kos penuh pembinaan, pengendalian dan penyelenggaraan semua kerja yang perlu untuk pengawalan luar tapak terhadap sumbangan penyaliran aliran puncak atau aliran banjir yang berlaku akibat daripada aktiviti yang dicadangkan itu.

(4) Seseorang yang menjalankan suatu aktiviti perubahan sumber hendaklah merancang dan memastikan supaya suatu kawasan penampungan disediakan seperti dalam Jadual Pertama melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Pengarah.

BAHAGIAN V

PENYERAHAN PELAN

Penyerahan dan perakuan pelan

10. (1) Pelan berhubung aktiviti perubahan sumber hendaklah diserahkan kepada Lembaga seperti yang dikehendaki oleh Pengarah.

(2) Pelan yang diserahkan kepada Lembaga hendaklah—

- (a) mengandungi suatu perakuan oleh jurutera menyatakan bahawa spesifikasi dan butiran yang terkandung di dalamnya betul; dan
- (b) mempunyai tandatangan dan pengesahan daripada pemilik aktiviti berkenaan atau ejennya yang diberi kuasa secara bertulis dan hendaklah mengandungi alamat penuh pemilik itu atau ejen itu mengikut mana yang berkenaan;

(3) Seseorang yang gagal mematuhi subperaturan (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan jurutera

11. (1) Jurutera yang memperakui pelan di bawah peraturan 10 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna bagi aktiviti pengubahan sumber itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai aktiviti pengubahan sumber itu melainkan jika—

- (a) dengan persetujuan Pengarah seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih; dan
- (b) Pengarah bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Pengarah bersetuju menerima penarikan diri seseorang jurutera di bawah perenggan (1)(b) aktiviti pengubahan sumber tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih.

(3) Jurutera yang memperakui pelan hendaklah menjalankan penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan aktiviti pengubahan sumber itu dijalankan mengikut pelan, spesifikasi, arahan, pindaan atau syarat yang dikenakan oleh Pengarah dan pada amnya mengikut peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Jurutera yang memperakui pelan itu hendaklah memberitahu Pengarah dalam masa tujuh hari bekerja sebelum tarikh permulaan aktiviti pengubahan sumber itu dengan mengemukakan Borang A dalam Jadual Ketiga.

(5) Jurutera yang memperakui pelan hendaklah dalam masa satu minggu selepas selesai aktiviti pengubahan sumber itu memberitahu kepada Pengarah dengan mengemukakan Borang B dalam Jadual Ketiga bahawa aktiviti pengubahan sumber itu telah selesai.

(6) Subperaturan (1) ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada peraturan 27.

(7) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, ungkapan “jurutera yang memperakui pelan” termasuklah jurutera yang dilantik untuk mengambil alih.

Penyerahan lukisan terukur

12. Seseorang yang telah menyempurnakan suatu aktiviti pengubahan sumber, hendaklah mengemukakan sesalinan lukisan terukur kepada Pengarah melalui Borang C dalam Jadual Ketiga selepas empat belas hari dari serahan Borang B.

Laporan, pelan dan butiran hendaklah dikemukakan

13. (1) Melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Pengarah, laporan, pelan, spesifikasi dan butiran yang ditetapkan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dalam tempoh yang ditetapkan.

(2) Jika relevan, kiraan dan segala aras bumi dan kontur yang dirujuk dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada datum yang diberi oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Pelan dan butiran boleh diserahkan secara berasingan

14. (1) Pelan dan butiran yang dikehendaki di bawah peraturan 13 boleh diserahkan secara berasingan dengan kebenaran Pengarah.

(2) Apa-apa pelan dan spesifikasi yang dirujuk di bawah subperaturan (1) hendaklah diperakukan di bawah peraturan 10.

(3) Walau apa pun peraturan ini, tiada apa-apa aktiviti pengubahan sumber boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini telah diluluskan.

Syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa

15. Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa berkenaan dengan sesuatu aktiviti pengubahan sumber menghendaki—

- (a) penahan enap dan kemudahan pengawalan pemendakan lain diadakan dengan cukup serta diselenggarakan dengan sepatutnya;
- (b) struktur penahan diadakan di mana perlu;
- (c) cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
- (d) segala langkah yang berkesan diambil untuk mengawal kelodak yang mungkin timbul disebabkan oleh aktiviti pengubahan sumber;
- (e) pemuliharaan tanah dijalankan;
- (f) aras asas tanah yang telah diluluskan oleh Pengarah dipatuhi.

Pelan, spesifikasi, butiran lanjut dan sebagainya jika dikehendaki

16. Pengarah boleh melalui jurutera Lembaga, jika difikirkan perlu, menghendaki pelan spesifikasi dan butiran lanjut diserahkan atau memberi arahan lanjut

atau membuat pindaan lanjut kepada pelan itu atau mengenakan syarat lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan, pindaan atau syarat itu hendaklah dipatuhi.

Sumber air hendaklah diselenggarakan

17. Sumber air yang bersambungan dengan tapak aktiviti pengubahan sumber hendaklah diselenggarakan sepanjang tempoh aktiviti pengubahan sumber dalam pelan yang dipersetujui dan hendaklah terus diselenggarakan dalam keadaan yang sama sehingga memuaskan Pengarah.

Tugas jurutera untuk memaklumkan

18. Jurutera yang menyelia aktiviti pengubahan sumber hendaklah, memaklumkan Pengarah tentang apa-apa pergerakan tanah, gelinciran bumi, apa-apa kegagalan atau apa-apa perubahan dalam aras mata air yang wujud di tapak atau bersambungan dengan tapak aktiviti pengubahan sumber.

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

Pengeledahan

19. Jika Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini telah atau sedang dilakukan; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh ditemui,

dia boleh tanpa waran, memberhenti dan memeriksa mana-mana orang atau memasuki dan menggeledah mana-mana premis menurut kuasa yang diberi di bawah seksyen 99 Enakmen.

Penyitaan

20. (1) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa boleh menyita tanpa waran apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang pelakuan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa menyita apa-apa benda di bawah subperaturan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya

kepada pemegang kebenaran bertulis, pemunya barang itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di tempat penyitaan itu.

(3) Jika kawasan atau premis itu tidak berpenghuni, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di kawasan atau premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu di kawasan itu atau apa-apa cara yang sesuai untuk penyitaan.

(6) Seseorang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subperaturan (4) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Pelucuthakkan

21. Semua benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakkan jika ada pendakwaan

22. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka pelucuthakkan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apapun subperaturan (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; atau
- (b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan

23. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subperaturan (2).

(2) Seseorang yang mengatakan bahawa dia adalah pemilik apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis memberikan notis bertulis kepada Pengarah untuk menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila notis diterima di bawah subperaturan (2), Pengarah boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemilik benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subperaturan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam perenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun seseorang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subperaturan (5) berkenaan dengan sesuatu benda itu, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakkan benda itu, tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapati

24. Tiada seorang boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relif lain.

Kuasa mengalih dan melupus

25. (1) Pengarah atau mana-mana Pegawai yang diberi kuasa boleh, apabila difikirkan sesuai mengeluarkan notis bertulis mengarahkan mana-mana pemegang kebenaran bertulis yang menjalankan aktiviti pengubahan sumber untuk mengalihkan atau mengambil semula apa-apa benda berkenaan dengan aktiviti pengubahan sumber tersebut.

(2) Apabila terdapat kegagalan, keengganan atau pengabaian oleh pemegang kebenaran bertulis yang telah diberikan notis bertulis di bawah subperaturan (1), Pengarah atau Pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil benda tersebut, dan mendapatkan semula kos atau perbelanjaan yang ditanggung daripada orang tersebut.

(3) Apa-apa benda yang diambil oleh Pengarah atau Pegawai yang diberikuasa di bawah subperaturan (1), akan menjadi milik Lembaga, dan berhak untuk melupuskannya atau melaksanakan apa-apa tindakan yang difikirkan wajar oleh Pengarah.

BAHAGIAN VII**PENDAKWAAN****Pendakwaan**

26. Suatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Penalti kerana kegagalan aktiviti pengubahan sumber

27. Jika sesuatu struktur fizikal atau sesuatu bahagiannya gagal, sama ada pada masa pengendaliannya atau selepas ia siap, atau jika terdapat apa-apa kegagalan berhubungan dengan sesuatu aktiviti pengubahan sumber atau sesuatu bahagian daripada mana-mana aktiviti pengubahan sumber, sama ada pada masa menjalankan aktiviti pengubahan sumber itu atau selepas ia siap, dan kegagalan itu adalah disebabkan oleh mana-mana satu atau lebih daripada faktor yang berikut:

- (a) struktur fizikal atau bahagian struktur fizikal itu atau aktiviti pengubahan sumber atau bahagiannya itu tersalah bina atau tidak adanya penyeliaan yang sepatutnya semasa pembinaannya;
- (b) struktur fizikal atau bahagian struktur fizikal itu atau aktiviti pengubahan sumber atau bahagian daripada aktiviti pengubahan sumber itu tersalah reka bentuk atau tersalah kira; atau

- (c) struktur fizikal atau bahagian struktur fizikal itu atau aktiviti perubahan sumber atau bahagian daripada aktiviti perubahan sumber itu tersalah guna,

orang yang bertanggungjawab atas—

- (i) salah binaan atau tidak adanya penyeliaan yang sepatutnya itu;
- (ii) salah reka bentukan atau salah kiraan itu; atau
- (iii) salah gunaan itu,

boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penalti am

28. Seseorang yang—

- (a) melakukan sesuatu yang dilarang oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (b) tidak melakukan sesuatu yang boleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini dikehendaki atau diarah melakukan; atau
- (c) melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini;

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pengkompaunan kesalahan

29. (1) Pengarah dan mana-mana Pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Kesemua wang yang diterima di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar kepada Lembaga.

BAHAGIAN VIII

AM

Pembatalan dan peruntukan peralihan

30. (1) Apabila mula berkuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, maka Kaedah Air Selangor (Fee Lesen) 1989 [*Sel. P.U. 4/1990*] sejauh mana ia terpakai kepada Negeri Selangor hendaklah terbatal.

(2) Apa-apa notis, perintah atau kenderaan yang telah dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga dibatalkan atau tamat tempohnya.

JADUAL PERTAMA
[peraturan 2, subperaturan 9(4)]

JARAK KELEBARAN KAWASAN PENAMPAN

(1) <i>Jenis Sumber Air</i>	(2) <i>Keterangan</i>	(3) <i>Jarak Kelebaran Minimum Kawasan Penampian</i>
1. Sungai (Alur semulajadi)	(a) Kelebaran laluan air sungai antara tebing melebihi 40 meter	50 meter dari kedua-dua belah tebing sungai
	(b) Kelebaran laluan air sungai antara tebing di antara 20 meter hingga 40 meter	40 meter dari kedua-dua belah tebing sungai
	(c) Kelebaran laluan air sungai antara tebing di antara 10 meter hingga 20 meter	20 meter dari kedua-dua belah tebing sungai
	(d) Kelebaran laluan air sungai antara tebing di antara 5 meter hingga 10 meter	10 meter dari kedua-dua belah tebing sungai
	(e) Kelebaran laluan air sungai antara tebing tidak melebihi 5 meter	5 meter dari kedua-dua belah tebing sungai
2. Sungai (Alur buatan)	(a) Kelebaran atas pada alur ialah 6 meter atau kurang	3.7 meter dari sebelah tebing sungai dan 1 meter dari sebelah tebing sungai yang lain
	(b) Kelebaran atas pada alur melebihi 6 meter	3.7 meter dari kedua-dua belah tebing sungai
3. Perairan pantai	(a) Pantai berpasir	60 meter ke arah daratan dari garisan air tertinggi biasa
	(b) Pantai berlumpur	400 meter ke arah daratan dari tepi bahagian laut di dalam tumbuhan atau hutan bakau
4. Badan air lain	(a) Untuk tujuan melindungi kualiti air	5 meter hingga 30 meter dari tebing atau sempadan sumber air
	(b) Untuk tujuan mengurangkan hakisan tebing	10 meter hingga 20 meter dari tebing atau sempadan sumber air
	(c) Untuk tujuan input makanan, habitat air atau mengekalkan tahap pencahayaan atau suhu	5 meter hingga 10 meter dari tebing atau sempadan sumber air
	(d) Untuk tujuan menyediakan makanan dan perlindungan untuk hidupan liar air dan daratan	30 meter hingga 500 meter dari tebing atau sempadan sumber air

(1) <i>Jenis Sumber Air</i>	(2) <i>Keterangan</i>	(3) <i>Jarak Kelebaran Minimum Kawasan Penampakan</i>
	(e) Untuk membolehkan pengeluaran hasil pertanian	10 meter hingga 30 meter dari tebing atau sempadan sumber air
	(f) Untuk mengurangkan banjir di hiliran	20 meter hingga 150 meter dari tebing atau sempadan sumber air

JADUAL KEDUA
[Perenggan 4(1)(a)]

CAJ AKTIVITI

(1) <i>Jenis Aktiviti</i>	(2) <i>Keterangan</i>	(3) <i>Caj</i>
1. Pembinaan jeti:	(a) jeti persendirian yang digunakan untuk mengimport dan mengeksport barang-barang sendiri	RM0.20 se tan tertakluk kepada caj minima RM1,000 setahun
	(b) jeti yang digunakan untuk mengimport dan mengeksport barang-barang lain (kecuali logam)	RM0.25 se tan tertakluk kepada caj minima RM1,500 setahun
	(c) jeti yang digunakan untuk mengimport dan mengeksport logam	RM0.35 se tan tertakluk kepada caj minima RM2,000 setahun
	(d) jeti yang digunakan sebagai tempat untuk membina vesel	RM70.00 per vesel tertakluk kepada caj minima RM2,000 setahun
	(e) jeti yang digunakan sebagai tempat untuk memperbaiki vesel	RM100.00 per vesel tertakluk kepada caj minima RM2,500
	(f) jeti persendirian yang digunakan bagi maksud yang tidak dinyatakan di (a), (b), (c), (d) dan (e) di atas	(a) RM2,200.00 setahun bagi jeti untuk tujuan pelancongan (b) RM600.00 setahun bagi jeti-jeti lain

JADUAL KETIGA

Borang A

NOTIS MEMULAKAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER

[subperaturan 11(4)]

Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor,

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh notis diterima saya bercadang untuk memulakan aktiviti pengubahan sumber dan memperakui bahawa aktiviti iaitu:

Atas Lot/Lot-lot
Mukim/Bandar

Jalan
 bagi
 menurut pelan yang diluluskan No.

Tandatangan:

Nama:

Profesion:

Alamat:

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

.....
 Cop rasmi

Borang B

NOTIS TAMAT AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER

[subperaturan 11(5)]

Pengarah,
 Lembaga Urus Air Selangor,

Saya memperakui bahawa aktiviti perubahan sumber iaitu:

Atas Lot/Lot-lot

Lot/Lot-lot

Mukim/Bandar

Jalan

bagi

telah disempurnakan menurut—

* (a) pelan yang diluluskan; atau

(b) pelan yang diluluskan dengan pindaan mengikut peraturan 16.

Tandatangan:

Nama:

Profesion:

Alamat:

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

.....
 Cop rasmi

Bertarikh:

• Potong yang mana tidak berkenaan

PENGESAHAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Adalah dengan ini disahkan bahawa aktiviti di atas telah disempurnakan dengan

- Mematuhi kesemua syarat-syarat dan kehendak Kebenaran Bertulis yang dikeluarkan.
- Tidak mematuhi syarat Kebenaran Bertulis yang dikeluarkan, iaitu berkenaan:
.....
.....
.....

(Sila nyatakan syarat yang tidak dipatuhi)

..... (cop rasmi)
Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor.
Tarikh:

Borang C
BORANG SERAHAN PELAN TERUKUR
[peraturan 12]

Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor,

Saya/Kami dengan ini menyerahkan sesalinan pelan terukur untuk kerja yang dicadangkan seperti berikut:

.....
.....
.....
.....

Bagi pihak (Nama Tuan punya/Pemaju)

.....
.....

No. Lukisan

Saya dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk reka bentuk, spesifikasi dan perjalanan kerja tersebut.

Tandatangan
Nama
Profesion
Alamat
.....
No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:
.....

.....
Cop rasmi

Tarikh:

No. rujukan fail: (kegunaan pejabat)

Bertarikh 6 September 2013
[LUAS Sel. 1008/2/4; P.U. Sel. Am 0074/12]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

RESOURCE ALTERATION ACTIVITY (SELANGOR)
REGULATIONS 2013

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation
2. Interpretation

PART II

POWER OF DIRECTOR

3. Power of Director on the resource alteration activity

PART III

WRITTEN APPROVAL

4. Application and issuance of written approval
5. Duration of written approval
6. Recovery of fees and charges

PART IV

CONTROL OF RESOURCE ALTERATION ACTIVITY

7. Control of resource alteration activity
8. Construction material, machinery and vehicles
9. Control and mitigative measure

PART V

SUBMISSION OF PLAN

10. Submission and certification of plan

Regulation

11. Obligation of engineer
12. Submission of as-built drawing
13. Report, plan and particular to be submitted
14. Plan may be submitted separately
15. Conditions may be imposed at any time
